

NO SOALAN : 134

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]**

SOALAN NO. 134

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah syarikat yang mempunyai Permit Import (AP) sisa plastik dan menjelaskan mekanisme Kementerian memantau dan mengawal operasi syarikat ini dalam membawa masuk dan memproses skrap plastik di negara ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Jun 2019 sebanyak 62 syarikat telah mendapat kelulusan lesen import (AP) bagi pengimportan skrap plastik HS Code 39.15 yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN). Syarikat-syarikat tersebut telah berjaya memenuhi semua syarat baharu yang berkuat kuasa pada 26 Oktober 2018.

Pemegang AP bagi pengimport skrap plastik HS Coad 39.15

Bil.	Negeri	Jumlah Syarikat
1.	Selangor	22
2.	Pulau Pinang	18
3.	Johor	10
4.	Perak	4
5.	Kedah	3
6.	Negeri Sembilan	3
7.	Melaka	2
Jumlah		62

2. Kegiatan pengoperasian syarikat-syarikat ini sentiasa dipantau oleh KPKT supaya mematuhi keperluan dan perundangan semasa yang telah ditetapkan oleh agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS). Sekiranya didapati syarikat tidak mematuhi syarat pengimportan skrap plastik yang telah ditetapkan, syarikat akan diberi amaran sehingga lesen import yang diberi boleh dibatalkan serta-merta.

NO SOALAN : 134

3. Di samping itu, KPKT telah mensyaratkan bermula 1 Jun 2019, semua premis pemegang lesen import perlu mendapat pensijilan ISO14000 iaitu standard pengurusan alam sekitar bagi membantu syarikat mematuhi keperluan undang-undang yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan yang berkaitan demi mencegah pencemaran dan melindungi alam sekitar secara lebih sistematik.

4. KPKT juga telah menetapkan ratio import sebanyak 70% daripada keupayaan kapasiti sebenar mesin pemprosesan setiap premis syarikat bagi menggalakkan aktiviti kitar semula sisa plastik tempatan. Pelaksanaan ratio ini dilihat dapat memastikan Malaysia tidak menerima sisa plastik secara berlebihan dan juga dapat mengelakkan isu seperti penjualan AP kepada pihak lain seterusnya menghalang Malaysia dijadikan tempat pelupusan sisa pepejal dari negara luar.

Sekian, terima kasih.